

21 JAN 2002

Ling-Rel (Bergambar)

KOS ASAS KERETA API YANG MURAH CERAH PADA MASA DEPANH

JOHOR BAHRU, 21 Jan (Bernama) -- Kereta api sebagai satu pilihan pengangkutan mempunyai masa depan yang cerah, apatah lagi dengan siapnya rangkaian rel keretapi Trans-Asia dari Singapura ke Kunming, China kelak.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata ini disokong dengan fakta bahawa perkiraan asas menunjukkan kos untuk mengangkut satu tan kargo dengan kereta api, semurah lima sen bagi setiap 0.6km.

Katanya kos itu berbanding satu sen dengan kapal, lapan sen melalui jalan raya dan 55 sen dengan pengangkutan udara.

"Oleh itu dalam dunia perdagangan moden hari ini, kita dapati paling banyak kargo diangkut melalui kapal dan bila tiba di pelabuhan, pengangkutan pilihan yang paling ekonomik ialah pengangkutan rel," katanya pada majlis perasmian projek sambungan rel kereta api ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Wisma PTP dekat sini, hari ini.

Pengangkutan kereta api mampu menjadi satu pilihan pengangkutan utama dunia jika rangkaian relnya dikembangkan dengan lebih luas, katanya, yang merujuk kepada sambungan keretapi Trans-Siberia dari China ke Eropah, yang juga akan disambung oleh rangkaian rel Trans-Asia.

Dr Ling berkata penghantaran kargo melalui kereta api Trans-Siberia hanya memakan masa selama 16 hari berbanding 26 hari melalui pengangkutan laut dan boleh menjimatkan kos sebanyak US\$800 bagi tiap TEUs.

"Cadangan untuk membina hubungan rel dari Singapura ke Kunming itu adalah pandangan jauh (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad). Visi ini mendapat sokongan semua negara di rantau ini," katanya.

Beliau berkata baru-baru ini Perdana Menteri China Zhu Rongji sendiri telah membuat komitmen untuk memberi peruntukan kewangan sebanyak US\$4 bilion bagi menyiapkan rangkaian rel Trans-Asia itu dengan membina landasan dari Bangkok ke Kunming.

Mengenai sistem landasan berkembar elektrifikasi di Lembah Klang, Menteri Pengangkutan itu berkata ia akan disambung hingga ke Ipoh dan seterusnya ke Padang Besar di Utara dan ke Johor Baharu di Selatan.

Projek dari Rawang ke Ipoh dijangka siap pada tahun 2004 manakala dari Seremban ke Johor Baharu pada tahun 2007, yang menurutnya mampu meningkatkan kekerapan perjalanan kereta api sehingga 50 perjalanan sehari berbanding 10 perjalanan sehari sekarang yang terhad kerana hanya satu landasan.

Mengenai projek sambungan rel ke PTP itu, beliau berkata ia mula dilaksanakan pada Julai 1999 dan disiapkan pada 13 Jan lepatasyang diharapkan menjadi pemangkin pembangunan PTP khususnya dan pembangunan ekonomi Johor secara keseluruhannya.

Menurut satu kenyataan bersama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan PTP, projek itu yang bernilai RM460 juta, disiapkan oleh IRCON International LTD dari India yang diberikan secara perdagangan bertimbal produk minyak sawit olein.

Landasan baru satu trek dengan persiapan untuk landasan berkembar elektrifikasi di masa depan dibina sejauh 38km termasuk tiga buah stesen dan persimpangan melibatkan tanah seluas 214 hektar.

-- BERNAMA

MNY RON